

**SIARAN AKHBAR**  
**3 September 2020**

## **PRESTASI EKUINAS YANG MEMBERANGSANGKAN MEMANFAAT MASYARAKAT BUMIPUTERA**

**KUALA LUMPUR, 3 SEPTEMBER 2020:** Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) hari ini mengumumkan pengagihan RM120.0 juta daripada keuntungannya kepada Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) untuk manfaat pemegang unit Bumiputera dalam dana amanah yang diuruskan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Majlis penyerahan kepada PNB disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin, Perdana Menteri Malaysia.

Pengagihan RM120.0 juta adalah sebahagian daripada keuntungan bersih Ekuinas setelah penutupan Ekuinas Direct (Tranche I) Fund (juga dikenali sebagai Dana I). Ini membawa jumlah pengagihan yang telah diagihkan kepada PNB sebanyak RM320.0 juta, berikutan RM200.0 juta yang diagihkan pada tahun 2014.

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas berkata, "Prestasi Ekuinas sehingga ke hari ini telah membuktikan model ekuiti persendirian memainkan peranan positif dalam menjana pertumbuhan ekonomi. Ini dapat dilihat melalui pencapaian kami yang berjaya menjana pulangan daripada pelaburan kami dan seterusnya mengagih keuntungan dengan masyarakat Bumiputera secara lebih meluas.

PNB dikenal pasti sebagai institusi yang sesuai untuk disalurkan pengagihan kerana mempunyai platform terbaik memandangkan rangkaian pemegang unit amanah Bumiputeranya yang luas, sejajar dengan objektif sosial Ekuinas untuk meningkatkan kekayaan Bumiputera secara berkesan.

Ekuinas telah menubuhkan satu kerangka kerja untuk pengagihan yang menetapkan jumlah prinsipal yang diperolehi semula daripada pelaburannya akan dilabur semula untuk pelaburan masa hadapan. Keuntungan yang dijana akan dibahagikan secara adil di antara memperluaskan aktiviti pelaburan selanjutnya dan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di bawah ILTIZAM, dan lebihnya akan diperuntukkan untuk pengagihan kepada masyarakat Bumiputera.

“Sejak 10 tahun yang lalu, keunikan model PE kami telah membuktikan keberkesanan Ekuinas dalam melaksanakan objektif komersial dan sosial kami. Kami telah menyumbang dan memberi impak kepada masyarakat Bumiputera secara langsung atau tidak langsung melalui aktiviti pelaburan kami dan inisiatif lain seperti Skim Insentif Ekuiti atau ‘*sweat equity*’ kepada pengurus Bumiputera, program ILTIZAM dan juga pengagihan keuntungan. Kami berharap agar dapat terus berbakti kepada masyarakat dan menyempurnakan mandat kami dalam mencipta nilai jangka masa panjang yang mampan untuk masyarakat Bumiputera secara lebih meluas.” Syed Yasir Arafat menambah.

Pulangan daripada pelupusan aset Ekuinas juga telah disalurkan untuk melaksanakan objektif sosial melalui ILTIZAM. Sejak 2016, ILTIZAM telah membantu dalam meringankan beban masyarakat Bumiputera yang terpinggir, menerusi tiga (3) tunggak iaitu **keusahawanan, pendidikan dan komuniti**. Usaha ini termasuk menyediakan peluang pekerjaan kepada graduan Bumiputera yang menganggur dan membantu usahawan Bumiputera kecil dan mikro serta menyumbang keperluan harian kepada golongan kurang berkemampuan.

Ahmad Zulqarnain Onn, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB berkata, “Kami mengucapkan tahniah kepada Ekuinas di atas pulangan positif daripada dana sulung mereka dan berbesar hati dapat memainkan peranan dalam pengagihan keuntungan untuk manfaat masyarakat Bumiputera, seiring dengan misi PNB sendiri iaitu untuk menjana dan meningkatkan kekayaan masyarakat Bumiputera dan juga seluruh rakyat Malaysia.”

Ekuinas ditubuhkan pada tahun 2009 untuk menyediakan pembiayaan ekuiti persendirian kepada syarikat-syarikat dan usahawan berpotensi tinggi di Malaysia di samping meningkatkan kekayaan dan penyertaan Bumiputera secara mampan. Sehingga 31 Disember 2018, melalui pelaburannya, Ekuinas berjaya meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera sebanyak RM5.0 billion dan membawa jumlah nilai pemegang saham keseluruhan kepada RM6.6 billion.

-Tamat-

**Mengenai Ekuiti Nasional Berhad**

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009 dan ia berusaha membina syarikat terkemuka Malaysia generasi akan datang, sambil menggalakkan penjanaan kekayaan serta penglibatan Bumiputera secara saksama dan mampan. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor sasaran teras Ekuinas iaitu pendidikan, barang pengguna laris, minyak dan gas, runcit, penjagaan kesihatan, dan perkhidmatan.

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Lok Ru Jun  
Klareco Communications  
M: +6012-325 6949  
E: [RLok@klarecocomms.com](mailto:RLok@klarecocomms.com)

Foo Zhen Min  
Klareco Communications  
M: +6012-440 6949  
E: [ZFoo@klarecocomms.com](mailto:ZFoo@klarecocomms.com)